

e-Buletin PJIM

UNIVERSITI-INDUSTRI-KOMUNITI-KERJAYA-ALUMNI-KEUSAHAWANAN

REDAKSI

PENAUNG

Prof. Madya Ir. Dr. Md. Nazri bin Othman

PENASIHAT

Prof. Madya Ts. Dr. Effendi bin Mohamad
Ts. Dr. Khairuddin bin Osman
Dr. Mohd Amin bin Mohamad

KETUA EDITOR

Prof. Madya Ts. Dr. Effendi bin Mohamad

EDITORIAL

Ahmad Hafiz bin Mohd Puad
Mohd Anas bin A'denar

PENYELARAS MAKLUMAT

Ernawatie binti Md Sah
Farudin Hanif bin Ya'amah
Mohd Zahier bin Mohd Yusoff
Syahira binti Mohd Adnan
Mohd Safar bin Adim
Muhammad Akmal bin Mad Yatim
Ahmad Haikal bin Shamshul Bahrin
Nor Hafsah binti Hishah
Ts. Mohd Azlan bin Mohamed

JURUFOTO

Mohamed Khairy bin Ali

*Pejabat Penolong Naib Canselor
(Jaringan Industri & Masyarakat)*
Universiti Teknikal Malaysia Melaka,
Hang Tuah Jaya, 76100 Durian
Tunggal, Melaka, Malaysia.

+606 270 1015

<http://www.utem.edu.my/pjim/>

PNC.PJIM.UTeM

Dari Tinta PNC-JIM

PROF. MADYA IR. DR. MD. NAZRI BIN OTHMAN



Pejabat Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) menggalas peranan dan tanggungjawab penting dalam mewujudkan kerjasama strategik dengan industri dan masyarakat bagi perkongsian dan penyebaran ilmu untuk kesejahteraan masyarakat dan pembangunan negara.

Menyedari peranan penting industri kepada masyarakat dan negara dengan matlamat yang sama, UTeM sentiasa meneroka peluang untuk mengadakan gandingan pakatan strategik universiti-industri-komuniti bagi manfaat bersama universiti dan rakan industri serta komuniti.

Melalui penghasilan buletin ini, diharapkan wadah PJIM tercapai kepada setiap lingkungan seterusnya bertepatan dengan fungsi PJIM sebagai pemudahcara juga penghubung universiti antara industri dan komuniti.



Naib Canselor menyerahkan watakah pelantikan sebagai Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) kepada Prof. Madya Ir. Dr. Md Nazri Bin Othman berkuat kuasa mulai 18 Mei 2020 sehingga 17 Mei 2023.

Perbincangan atas talian bersama CEO CTRM

23/2/2021 – Perbincangan atas talian telah berlangsung efisien di antara pengurusan Pejabat PNC-JIM bersama Encik Shamsuddin Mohamed Yusoff, Ketua Pegawai Eksekutif CTRM Malaysia Sdn. Bhd. bagi membincangkan projek penyelidikan, perkongsian kepakaran serta perancangan aktiviti sepanjang tempoh berlangsungnya program AlxCHANGE: CEO@FACULTY. Turut dipersetujui adalah sumbangan Hadiah Industri untuk Konvokesyen UTeM oleh CTRM. Manakala UTeM akan berkongsi pengetahuan dan kepakaran melalui beberapa siri Ceramah Teknikal kepada CTRM.



Lawatan Naib Canselor melihat Origami Corner Chair

28/1/2021 – YBhg. Datuk Wira Prof. Dr. Raha Abdul Rahim telah melawat ke Akademi Samsung IOT bagi melihat sendiri projek kerusi istimewa di bawah geran MySI. Produk inovasi ini berjaya memperoleh dana Malaysia Social Innovation (MySI) daripada Kementerian Sains, Teknologi, dan Inovasi (MOSTI) pada 2019 berjumlah RM 61,204. Dengan dana yang diperolehi dan melalui Pusat Pembangunan Komuniti dan I-COE selaku pemudahcara, projek 'Bantuan Origami Corner Chair' kepada Kanak-kanak Cerebral Palsy' telah berjaya dilaksanakan.

TABUNG SUMBANGAN #Face shield UTeM 2.0

Bersama kami untuk membantu frontliner...

MARI BERSAMA KITA MENYUMBANG
Sumbangan berbentuk kewangan atau In-kind:

- PP material (25kg/Beg) 38 beg yang diperlukan
- Kepingan PVC (100 keping/Pek) 320 pek yang diperlukan
- Carton box (utk 300 keping) 100 keping yang diperlukan
- Gelang getah (500 keping/Beg) 16 beg yang diperlukan

30,000 unit face shield yang disasarkan

Hubungi kami:
PROFESOR MADYA Ts. DR. EFFENDI BIN MOHAMAD
Pegawai Pengarah Pusat Kolaborasi Industri dan Masyarakat Pejabat Penolong Naib Canselor Jaringan Industri & Masyarakat
effendi@utem.edu.my
012-3745208

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
04042010000833
Bank Islam Malaysia Berhad
Rujukan : FS 2021 UTeM

*Bayaran boleh diarahkan terus ke akaun UTeM melalui perkhidmatan akaun bilahar' Electronic Fund Transfer (EFT) / Telegrafik Transfer (Remittance) Interbank GIFD (IBG).

MyUteM Let's RISE Together

INFO PRODUK: ORIGAMI CORNER CHAIR

ORIGAMI CORNER CHAIR (OCC) merupakan inovasi terbaharu dalam kategori alatan rehabilitasi kanak-kanak Cerebral Palsy (CP) yang mempunyai banyak penambahbaikan berbanding corner chair yang sedia ada di pasaran. OCC memberi manfaat kepada 2 pihak iaitu pesakit CP kanak-kanak dan penjaga/juruterapi yang menguruskan pesakit oleh kerana rekabentuknya yang unik.



OCC direkabentuk supaya mudah dilipat (foldable) menjadi bentuk yang lebih nipis dan boleh disimpan di ruang-ruang yang kecil. Kaedah melipat produk ini pula sangat mudah dan menjimatkan masa. Dengan hanya satu pergerakan sahaja maka produk ini akan ikut terlipat. Beratnya cuma 4.5kg, maka ia tiada masalah untuk diletakkan di dalam bonet kereta juga bersifat mudah alih (portable).

Dari segi harga, OCC dijangka akan dijual dengan harga mampu milik iaitu sekitar Rm800 hingga RM1000. Berbeza dengan corner chair konvensional yang mempunyai pelbagai kekurangan seperti: tidak mempunyai fungsi boleh dilipat, berat produk yang melebihi 7kg, dan perlu dicabut menggunakan peralatan tambahan bagi tujuan penyimpanan dan pergerakan. Ia ketara berbeza dengan OCC yang lebih ringan dan mudah dibawa ke mana sahaja.

Projek inovasi ini diketuai oleh Ts. Mohd Azlan bin Mohamed bersama-sama Ts. Mohd Kamal bin Musa dan Mohd Qadafie bin Ibrahim dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan. OCC telah memenangi beberapa pencapaian di peringkat antarabangsa dan kebangsaan seperti SIIF 2019, PECEIPTA 2019 dan I-FINOG 2019.

Sebanyak 100 unit OCC yang dihasilkan pihak UTeM telah disumbangkan kepada golongan yang memerlukan melalui sumbangan langsung kepada individu berkenaan dan juga menerusi Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) serta Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) di seluruh negara, baru-baru ini.



SEGMENT KERJAYA



Mesyuarat Pengurusan Penjana KPT-CAP UTeM

5/1/2021 – Kerajaan telah mengumumkan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) sebagai inisiatif kerajaan dalam menangani cabaran kebolehpasaran graduan dan mengurangkan pengangguran akibat wabak COVID-19. Mesyuarat ini bertujuan untuk menyelaraskan objektif utama PENJANA KPT-CAP dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan UTeM yang bergraduasi pada tahun 2019 (belum bekerja) atau telah tamat pengajian pada tahun 2020 untuk mengikuti program latihan bagi mendapat kemahiran dan meningkatkan kemahiran dan berpeluang mendapat penempatan pekerjaan setelah tamat program latihan yang diikuti.

Mesyuarat Pelaksanaan Virtual Career Fair 2021

5/1/2021 – Pusat Pengurusan Alumni & Kebolehpasaran Graduan (PPAKG) telah menganjurkan mesyuarat bersama penyertaan PERKESO dan Majlis Perwakilan Pelajar UTeM bagi membincangkan pelaksanaan Virtual Career Fair yang dijangka akan berlangsung pada awal bulan April 2021. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Ts. Dr. Khairuddin bin Osman dan akan disusuli beberapa perbincangan lain bagi memastikan kelancaran program kelak.



SEGMENT STEM

Pusat STEM UTeM sedia beroperasi sepenuhnya

28/1/2021 – Selaras dengan aspirasi kerajaan dalam meningkatkan kemahiran pelajar sekolah rendah dan menengah dalam empat bidang utama pembelajaran yakni Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), Pusat Pembangunan Komuniti dan ICOE telah berinisiatif dalam membangunkan sebuah makmal pembelajaran bagi mendokong tujuan tersebut. Bertempat di Akademi Samsung IOT, Kampus Teknologi, kewujudan makmal ini dijangka akan memudahkan segala aktiviti pembelajaran dan pengajaran STEM dalam suasana kondusif dan mudah akses.



KHIDMAT KAUNSELING KERJAYA

Khidmat Kaunseling Kerjaya di bawah Pusat Pengurusan Alumni dan Kebolehpasaran Graduan (PPAKG) menyediakan perkhidmatan membantu pelajar untuk persediaan kerjaya pada masa hadapan. Menawarkan perkhidmatan khas untuk pelajar UTeM yang merangkumi tiga aspek terpenting iaitu Maklumat Kerjaya, Perkembangan Kerjaya dan Intervensi Kerjaya.

Keputusan dari bimbingan kerjaya ini akan mendedahkan graduan kepada beberapa perkara utama seperti Kesedaran Kerjaya (memberi pendedahan tentang bidang kerjaya yang diinginkan), Inventori Kerjaya (membantu pelajar mengenalpasti jenis personaliti dan kerjaya yang bersesuaian) dan Perancangan Kerjaya (membantu individu membuat persediaan awal untuk peralihan dari zaman universiti ke dunia pekerjaan yang sebenar).

Sebarang pertanyaan boleh hubungi Pegawai Kerjaya anda iaitu Encik Mohd Zahier bin Mohd Yusoff di talian 06-2701916 atau emel zahier@utem.edu.my bagi sesi bimbingan kerjaya bersemuka.

Bagi bimbingan kerjaya atas talian boleh ke pautan ini: <https://forms.gle/igviXeASwzujmCTg8> atau scan QR code seperti yang tertera.




KENALI PEGAWAI KERJAYA ANDA

FOKUS DALAM BIDANG KAUNSELING INDIVIDU / KELOMPOK / BIMBINGAN KERJAYA

Encik Mohd Zahier Bin Mohd Yusoff merupakan lulusan bidang kaunseling dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Pelbagai pengalaman dan juga kemahiran yang dipelajari sepanjang pengajian telah diaplikasikan dan dipraktikkan dalam pelbagai peringkat dan lapisan umur.

Sebagai kaunselor, kemahiran utamanya berfokus kepada kemahiran mengendalikan sesi kaunseling dengan menggunakan teori dan teknik yang dipelopori oleh tokoh-tokoh hebat kaunseling sejak dahulu lagi. Di bawah kendalian Encik Zahier juga turut terlaksana pelbagai program yang boleh menambah kemahiran sendiri.

Sepanjang pengajian, Encik Zahier berpeluang untuk menyertai pelbagai program yang dinaungi konsultan UMT. Pengalaman tersebut telah membantunya meningkatkan kemahiran dalam pengendalian teknik Relaksasi, Meditasi dan Art Therapy serta Sentuhan Qalbu yang merupakan teknik kaunseling yang terkini. Berdasarkan pengalaman itu juga, pelbagai modul baru telah berjaya dicipta dan diubah suai selari dengan keperluan semasa bakal graduan UTeM.



UTeM AUTeM

Kenali Alumni TUAH UTeM

Rahim bin Selamat
 TIMBALAN PENGARAH DV52
 BAHAGIAN KEMAHIRAN DAN TEKNIKAL MARA

Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Kuasai Industri) dengan Kepujian 2001/2002

FKE




UTeM AUTeM

Kenali Alumni TUAH UTeM

Lim Wei Wen
 MEDIA RELATIONS PRACTITIONER (PETRONAS)

Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Media Interaktif) dengan Kepujian 2008/2009

FTMK

UTeM AUTeM

Kenali Alumni TUAH UTeM

Jitvinder Dev Singh & Fardev Singh
 Penolong Pengarah Kastam
 Jabatan Kastam Diraja Malaysia,
 Negeri Perak

Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik (Kejuruteraan Komputer) dengan Kepujian Sarjana Sains Dalam Kejuruteraan Komputer 2006

FKEKK




UTeM AUTeM

Kenali Alumni TUAH UTeM

Ahmad Zakuan b. Ahmad Dahalan
 TECHNICAL EXPERT (ENERGY)
 UNITED NATIONS INDUSTRIAL DEVELOPMENT ORGANIZATION (UNIDO)

Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Kuasai Industri) dengan Kepujian 2008/2009

FKE




TABUNG SUMBANGAN

#Face shield UTeM 2.0

Bersama kami untuk membantu frontliner...

30,000 unit *face shield*
yang disasarkan

MARI BERSAMA KITA MENYUMBANG

Sumbangan berbentuk kewangan atau In-kind:

PP material (25kg/Beg)
38 beg yang diperlukan

Kepingan PVC (100 keping/Pek)
320 pek yang diperlukan

Carton box (utk 300 keping)
100 keping yang diperlukan

Gelang getah (500 keping/Beg)
16 beg yang diperlukan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
04042010000833
Bank Islam Malaysia Berhad
Rujukan : FS 2021 UTeM

Hubungi kami:

PROFESOR MADYA
Ts. DR. EFFENDI BIN MOHAMAD
Pengarah
Pusat Kolaborasi Industri dan Masyarakat
Pejabat Penolong Naib Canselor
Jaringan Industri & Masyarakat

effendi@utem.edu.my
012-3745208

*Bayaran boleh dikreditkan terus ke akaun UTeM melalui pindahan atas talian/ Electronic Fund Transfer (EFT) / Telegrafic Transfer (Rentas)/ Interbank GIRO (IBG).